

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2019

LAPORAN PELAPOR

TAJUK FORUM: MANUSKRIP ISLAM MERCU TANDA KETAMADUNAN UMAT

TARIKH: ISNIN 15 SAFAR 1441H / 14 OKTOBER 2019

TEMPAT : BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
(BKISHHB)

<p>PENGERUSI DAN AHLI PANEL</p>	<p>Pengerusi :</p> <p>Yang Mulia Profesor Madya Dr Haji Awang Asbol bin Haji Mail Prof. Madya di Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.</p> <p>Ahli-ahli Panel:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Yang Mulia Profesor Madya Dr. Oman Fathurahman, Staf Ahli Menteri Agama, Republik Indonesia.2. Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof. Penolong Mufti Kerajaan (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan.3. Yang Mulia Profesor Dr. Jelani Harun. Profesor di Universiti Sains Malaysia (USM).4. Yang Mulia Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. Profesor Madya / Pengarah Sultan Omar Ali Saifuddien Center of Islamic studies, Universiti Brunei Darussalam.
<p>SINOPSIS TAJUK FORUM</p>	<ul style="list-style-type: none">• Tajuk forum ini memfokuskan tentang sejarah kemunculan manuskrip Islam di alam Melayu serta peranannya dalam melestarikan keunggulan ilmu-ilmu Islam dan dalam mengukuhkan tamadun umat khususnya di Negara Brunei Darussalam.• Manuskrip Islam ialah karya-karya berupa kitab iaitu ilmu-ilmu Islam yang sudah mampan seperti al-Quran,

	<p>Al-Hadis, Fiqh dan Aqidah, dan juga bukan kitab iaitu karya-karya berbentuk hikayat atau sejarah yang mempunyai pengaruh Islam seperti kisah-kisah para Anbiya' dan hikayat raja-raja Pasai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Manuskrip tidak hanya terbatas pada karya-karya pelbagai ilmu, bahkan al-Qur'an yang kita lihat pada hari ini juga adalah hasil dari pengumpulan manuskrip yang teragung yang ditulis oleh para sahabat Rasulullah <i>shallallahu 'alaihi wasallam</i> yang didengar langsung dari lidah Baginda. • Manuskrip Islam sinonim dengan nama kitab <i>turats</i>, iaitu hasil buah pemikiran para ulama muslimin <i>salaf</i> yang ditinggalkan. Mana-mana hasil karya ilmiah yang berusia tidak kurang dari seratus tahun juga dianggap sebagai manuskrip atau kitab <i>turats</i>. • Kitab <i>turats</i> masih relevan dan digunapakai dalam menjalani kehidupan pada hari ini. Ia bukan sahaja menjadi dasar panduan dalam pelbagai hal yang berkaitan dengan hukum <i>Syara'</i> dan pelaksanaan ibadat, malah menjadi rujukan dalam hidup bersosial dan bermasyarakat. Oleh kerana itu, kitab <i>turats</i> perlu dijulang dan dinaikkan martabatnya kerana ia sangat penting bagi ketamadunan umat Islam sejagat. • Kemunculan manuskrip Islam di Alam Melayu adalah hasil dari jaringan (network) para ulama yang melakukan ziarah dan <i>rehlah ilmiah</i> ke luar negara bagi tujuan bukan setakat untuk menetap tetapi mencari ilmu dan berguru dan kemudian disebar, diadaptasi dan diaplikasikan di Nusantara. • Selain itu, para sultan juga memainkan peranan di mana penumpuan mereka terhadap kepentingan ilmu, telah menarik para tokoh dan ilmuwan Islam dari pelbagai negara untuk datang membawa ilmu yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. • Brunei juga tidak ketinggalan dari memiliki sejumlah karya manuskrip yang dapat dibanggakan seperti Syair Rajang, Syair Rakis, Hukum Kanun Brunei yang boleh dijadikan sebagai kajian dan rujukan sarjana-sarjana ilmuwan dalam penulisan mereka, Walaupun ianya kecil namun ia berperanan dalam kemunculan manuskrip
--	--

	<p>Melayu dan mengukuhkan tamadun umat Islam di Negara Brunei Darussalam.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian tamadun bagi sesuatu bangsa atau umat itu dapat dilihat melalui tradisi penulisannya yang mencerminkan daya pemikiran dan intelektual para ulama serta budaya di zaman lalu. Ketinggian tamadun bangsa Melayu adalah hasil dari dukungan dan sokongan raja-raja Melayu yang sangat prihatin dan pemedulian terhadap kepentingan pemeliharaan manuskrip. • Bagi memastikan keunggulan ilmu-ilmu Islam dan ketamadunan umat dapat dilestarikan, kajian terhadap manuskrip Islam adalah diperlukan kerana masih terdapat banyak manuskrip-manuskrip Islam yang tersimpan di luar negara yang memerlukan kepada kajian dan penyelidikan. Bagi merealisasikan harapan ini, satu insentif atau galakan perlu diberikan seperti memberikan peruntukan dana kepada para pengkaji sebagai motivasi dan sokongan untuk meluaskan lagi penyelidikan manuskrip Islam. • Antara bukti ketamadunan yang dapat dilahirkan daripada kajian-kajian terhadap manuskrip-manuskrip ialah enam aksara jawi iaitu huruf ج، ن، ف، غ، ك، و. • Penubuhan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan salah satu mercu tanda ketamadunan Brunei Darussalam yang akan menjadi sarana dan wasilah dalam melestarikan keunggulan ilmu-ilmu Islam dalam meneruskan kesinambungan tradisi Islam.
<p>CADANGAN DAN HARAPAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi menarik minat para belia terhadap manuskrip dan kepentingannya, pemberigaan dan pendedahan awal mengenainya amat perlu. Ia dapat dilaksanakan dengan cara memperkenalkannya melalui penerangan, pendidikan, dan kajian serta penelitian terhadap manuskrip tersebut. • Penelitian terhadap manuskrip-manuskrip harus dikembangkan secara berterusan melalui pelbagai kaedah.

